



Enam gambar menunjukkan 'bulan berdarah' susulan gerhana bulan penuh di Bishkek, Kyrgyzstan, lewat malam kelmarin manakala gambar kanan, penduduk Indonesia melihat ke arah Marikh ketika gerhana bulan penuh di Padang, Sumatera, awal pagi semalam.



FENOMENA BULAN BERDARAH

# Dunia terpukau saksi gerhana

BT AFP 29/07/2016 ms. 32

Info

→ Fenomena gerhana bulan penuh kali ini berlangsung selama 1 jam, 42 minit dan 57 saat.  
→ Marikh bergerak lebih dekat ke Bumi berbanding fenomena sama pada 2003.

➔ Marikh bergerak lebih dekat ke Bumi selepas 15 tahun

► Nairobi

Fenomena Bulan Berdarah menyatukan seluruh peminat astrologi dan pemerhati bintang dunia awal pagi semalam untuk menyaksikan gerhana bulan penuh paling panjang pada abad ke-21.

Ribuan pemerhati dari Tanjung Harapan ke Asia Barat, dan dari Kremlin sehingga ke Pelabuhan Sydney, menumpukan pandangan ke arah bintang-bintang demi menyaksikan fenomena bulan yang menjadi

gelap sebelum bertukar oren, coklat dan kemerahan.

Menurut Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan (NASA) gerhana bulan penuh itu berlangsung selama 1 jam, 42 minit dan 57 saat.

Walaupun ia didahului dengan gerhana separa, ini bermakna bulan akan menghabiskan masa hampir empat jam di dalam bayangan umbra Bumi.

Gerhana bulan penuh itu dapat disaksikan dengan jelas dari Eropah, Russia, Afrika, Asia Barat dan kebanyakan negara Asia dan Australia walaupun awan dikatakan menutupi bulan di beberapa kawasan.

Tiada di Amerika Utara

Gerhana itu tidak akan dapat dilihat dari Amerika Utara atau sebahagian besar Pasifik.

Profesor astronomi di Universiti

Cambridge, Andrew Fabian memberitahu Reuters, ia dipanggil Bulan Berdarah kerana sinar matahari memancar menerusi atmosfera Bumi dalam perjalanan ke bulan, dan atmosfera bumi menjadi merah sama seperti ketika matahari terbenam.

"Pada masa yang sama, Marikh bergerak lebih dekat ke Bumi berbanding fenomena sama sejak 2003, jadi beberapa pemerhati mungkin akan dapat melihat sebutir bintang berwarna oren kemerahan yang sebenarnya adalah planet itu."

Pengarah eksekutif Persatuan Astronomi Diraja, Robert Massey, yang menyaksikan gerhana itu dari Laut Mediterranean berkata dapat menyaksikan gerhana bulan penuh dan Marikh berada dekat pada satu malam yang sama.

Menurut beliau, senario seperti ini adalah sesuatu yang jarang berlaku dan amat luar biasa.

REUTERS